

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 15 RABU 12 APRIL, 1967.

1387 رابو 2 محرام

PERCHUMA

PERSIDANGAN M.M.D. BRUNEI DAN MUARA

BANDAR BRUNEI. — Sa-banyak lima usol telah di-luluskan dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada hari Khamis 6 April, 1967.


Pembawa usol yang pertama, Yang Mulia Awang Haji Ya'akob bin Awang Zainal, wakil Kawasan Sumbiling, telah meminta Majlis supaya meluluskan usolnya bagi meminta Kerajaan untuk memperbaiki lagi pembersihan keadaan dalam Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei dan di-sapanjang kawasan bangunan tersebut.

Yang Mulia Pengiran Mohammad bin Pengiran Lahab, Wakil kawasan Raja Muda telah mengemukakan empat usol. Usol beliau yang pertama ia-lah meminta Kerajaan supaya mengawal kenaikan harga barang2 makanan dalam Daerah Brunei dan Muara dengan sa-berapa segera.

Usol beliau yang kedua, menuntut supaya pengawasan diadakan bagi Sharikat2 dan Gudang2 Perniagaan dalam Daerah Brunei supaya sharikat2 itu menggunakan pekerja2-nya dengan mengutamakan anak2 tempatan.

Yang Mulia Pengiran Mohammad juga telah mengemukakan usol supaya Kerajaan menjalankan penyiasatan bagi menentukan kedudukan Kampong Paya Kerangan, Limau Manis, sama ada dalam kawasan Daerah Brunei dan Muara atau Limbang, Bahagian Kelima, Sarawak.

Sa-banyak sebelas so'alan mulut telah di-kemukakan dalam persidangan tersebut dan semua-nya itu telah di-jawab oleh Kerajaan dengan memuaskan.



Penolong Menteri Pertanian, Y.B. Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh (kiri) telah merasmikan pembukaan Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei, Satu di-Padang Besar, Bandar Brunei pada 6 April, 1967. Gambar ini di-ambil di-upachara tersebut. Berdiri di-sabalah beliau ia-lah Guru Besar 1 Sekolah Melayu S.M.J.A. Che'gu Pengiran Besar bin Pengiran Haji Ahmad.

PENGUMUMAN PEGAWAI URUSAN HAJI

BANDAR BRUNEI. — Jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi pada tahun ini dengan menaiki kapal ayer, di-jangka tiba di-Labuan dengan kapal "Anshun" dari Jeddah melalui Singapura pada hari Rabu 19 April, 1967.

Mereka akan belayar dengan kapal2 Kerajaan Brunei dari Labuan ka-Bandar Brunei pada hari itu dan di-jangka akan tiba

di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei kira2 pada jam 6-00 petang hari tersebut.

Sementara itu, menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Pegawai Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei, Awg. Kassim bin Haji Ahmad, keluarga2 dan sahabat2 handai Jema'ah2 Haji itu ada-lah di-ingatkan dan di-nasehatkan supaya jangan menurunkan Jema'ah2 Haji itu sa-masa kapal

sedang dalam pelayaran-nya.

Bagi keluarga Jema'ah Haji dari kawasan darat, Pass bagi kereta2 masuk ka-Kawasan Larangan dan juga Pass untuk masuk ka-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei, ia-ini dalam kawalan Polis di-luar Tambatan Kastam Di-Raja itu, akan di-sediakan oleh Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Oleh yang demikian, keluarga Jema'ah Haji yang berkenaan ada-lah di-minta berjumpa dengan Pegawai Urusan Haji mengenai perkara tersebut.

Siaran itu menyebutkan lagi bahawa sa-kira-nya ada perubahan mengenai tarikh ketiba'an Jema'ah Haji itu, maka Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei akan mengumumkan-nya dengan sa-berapa segera.

D.Y.M.M. MELAWAT KHEMAH A.M.D.B. HARI INI

BERAKAS— Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-jadualkan mengadakan lawatan ka-Khemah Askar Melayu Di-Raja Brunei pada pukul 10.00 pagi hari ini.

Sa-sudah lawatan itu Baginda juga akan meninjau bahagian2 negeri ini dengan menaiki sa-buah helikopter.

Kerajaan Memperuntokkan \$8,000,000 Untuk Pembinaan Gelanggang Sokan Brunei— kata Y. B. Pengiran Damit

BANDAR BRUNEI. — Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah merasmikan pembukaan Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei I di Padang Besar Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 6 April, 1967.

Dalam ucapan Yang Berhormat Pengiran Damit diupacara tersebut, antara-nya, beliau berkata "Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah memperuntokkan wang yang bukan sedikit, ia-itu 8 juta ringgit kerana Sokan, yang mana pada waktu ini, Kerajaan sedang menyelenggarakan pembinaan sa-buah Gelanggang Sokan atau "Brunei Stadium".

Gelanggang Sokan itu, kata beliau, di-bina mengikut ukoran2 Gelanggang Sokan Sa-Dunia ("Olympic"), dalam satu kawasan yang sa-luas lebih kurang 50 ekar dan terletak di-Kampung Anggerak Desa, Berakas, ia-itu empat batu jauh-nya dari Bandar Brunei.

Beliau menerangkan lagi bahawa sa-bahagian daripada pembinaan Gelanggang Sokan itu, ia-lah Kolam Mandi yang pada masa ini hampir siap pembinaan-nya.

"Kapada Ahli2 Sokan Harapan yang sedang berator di hadapan saya di-Lapangan Hijau pada pagi ini, ada-lah merupakan bakal Ahli2 Sokan Brunei di-masa akan datang yang akan mengisikan Gelanggang Sokan tersebut.

Oleh itu dari sekarang tunjukkan-lah dan layakkan-lah diri kamu sa-bagai Ahli2 Sokan yang handal dan boleh diketengahkan di-Gelanggang

Sokan", kata Yang Berhormat Pengiran Damit.

Ketika memberi ucapan diupacara tersebut, Yang Berhormat Pengiran Damit telah mengucapkan terima kasih kapada Jawatan Kuasa Sokan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei Satu yang telah menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan temasha Sokan tersebut.

Sa-terus-nya Yang Berhormat Pgn. Damit berkata: "Sabelum saya melakukan pembukaan rasmi Sokan pada hari ini, izinkan-lah saya melafadzkan sa-patah dua kata di-temasha yang sangat permai ini, sa-bagai Penghormatan dari saya tujuan khusus-nya kapada "Ahli2 Sokan Harapan" yang sedang berator di-hadapan saya ini.

Para murid2 Ahli2 Sokan Sekolah2 dan para penonton yang di-hormati sekalian, kita mengucap shukor Alhamdulillah kapada Tohan yang pada hari ini, para murid dan sa-bahagian dari para ibu-bapa telah dapat hadir bersama2 di-Lapangan Hijau ini — Lapangan yang merupakan "Gelanggang Sokan" yang terletak di-tengah2 Ibu Kota Negara kita Brunei Darus Salam, yang mana tujuan kita berkumpul ini, ia-lah untuk bersokan dan menyaksikan Perlawanan Sokan dari Ahli2 Sokan Harapan".

LATEHAN JASMANI

Para murid Ahli2 Sokan sekalian, kamu berkumpul di-Lapangan Hijau pada hari ini ada-lah salah satu daripada tugas yang di-wajibkan kapada kamu — tugas sa-bagai penuntut, ia-itu untuk latehan jasmani, yang mana sokan atau latehan jasmani ada-lah satu daripada mata pelajaran yang

di-wajibkan di-ajar di-tiap2 sekolah, kerana tujuan besar dan utama bagi Sokan ia-lah: Supaya kamu mempunyai tuboh badan yang sehat dan berotak chergas, sa-bagaimana Falsafah Sokan yang dalam Bahasa Latin-nya "En Sano En Kope Sano" yang bererti "Otak yang sehat terletak dalam badan yang sehat".

Maka murid2 yang mengambil bahagian dalam Lapangan Sokan dan menjadi Ahli Sokan hari ini, ada-lah sa-bahagian daripada murid2 yang berbadan dan berotak sehat chergas. Orang yang berotak sehat ada-lah sangat2 di-kehendaki oleh sa-sabua negara: Berotak sehat berarti kesempurnaan hidup bagi sa-saorang manusia dan mempunyai peribadi atau akhlak yang tinggi dan baik.

Sa-lain dari itu, sokan juga dengan sa-chara tidak langsung, melateh rohaniah murid2 kerana dengan ada-nya sokan yang serupa ini, dapat-lah berkenalan2 di-antara murid2 dari sa-buah sekolah dengan murid2 dari sekolah yang lain serta mengeratkan pula tali persaudaraan dan kaseh mesra antara kawan dengan kawan".

KEAZAMAN

Yang Berhormat Pgn. Damit selanjut-nya berkata bahawa sa-lain dari latehan jasmani dan rohani yang telah beliau nyatakan itu, ada lagi satu latehan rohani terdapat dalam sokan yang sangat tinggi nilai-nya, ia-itu "Berazam".

Tiap2 Ahli Sokan, ada-lah berazam untuk menchapai kejayaan kemenangan atau kejohanan di-dalam tiap2 bahagian yang di-perlawankan dalam sokan. Tidak ada sa-orang pun Ahli Sokan yang tidak ingin

akan kejayaan atau kemenangan di-dalam perlawanan2 Sokan.

Dari itu, kata beliau, keazaman yang ada terdapat kapada tiap2 ahli sokan ini, ada-lah sangat besar faedah-nya dan harus ada di-mileki oleh tiap2 orang ra'ayat dalam sa-sabua negara terutama negara yang sedang membangun saperti Negara kita Brunei ini.

Beliau berkata lagi kapada murid2 tersebut: "Kamu ada-lah Ahli Sokan Harapan — harapan Brunei di-masa akan datang". Samentara kamu maseh menjadi anak2 — menjadi penuntut, maka lengkapi-lah diri kamu sa-bagai Ahli Sokan. Jika kamu benar2 ingin menjadi Ahli Sokan Professional, ia-itu di-samping melengkapi diri dengan Ilmu Pengetahuan untuk di-masa depan kamu sa-sudah kamu dewasa nanti, kerana sokan ada-lah mengambil peranan penting, ia-itu satu daripada mata pelajaran di-sekolah2.

Dari itu, sekarang Kerajaan ada-lah mengambil perhatian yang berat dan menggalakkan kapada ra'ayat, terutama penuntut2 di-sekolah2 hendak-lah mengambil bahagian yang chergas di-lapangan sokan ini.

Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh telah merasmikan pembukaan Persatuan Peladang Tanjong Maya, Tutong pada hari Sabtu 25 Mach, 1967, bertempat di-Balai Raya, Tanjong Maya.

Sa-lepas itu ahli2 Persatuan Peladang tersebut telah menjalani satu Kursus Pertanian.


Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara pembukaan rasmi Persatuan Peladang Tanjong Maya. Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh kelihatan duduk di-tengah dalam gambar ini.



Gerakan Memusnah Ulat2 Pisang Di-Bukit Sulang

JABATAN Pertanian Negeri Brunei telah menjalankan satu gerakan untuk memusnahkan ulat2 pisang dari pohon2 pisang di-sabuh kawasan di-Bukit Sulang, Daerah Tutong baru2 ini.

Kawasan itu ia-lah bekas tempat tanaman padi tugal. Kira2 sa-paroh dari kawasan tersebut yang luas-nya kira2 40 ekar yang di-tanam dengan pohon2 pisang telah di-musnahkan oleh ulat2 pisang itu.



Pasokan yang bertugas memusnahkan ulat2 pisang di-Bukit Sulang. Di-kanan sekali ia-lah Ketua Pasokan itu, Awang Sahari bin Mohd. Said Penolong Pegawai Pertanian, Daerah Tutong.



Satu pemandangan pohon2 pisang di-Bukit Sulang. Daerah Tutong yang di-musnahkan oleh ulat2 pisang.

Sa-ekor daripada ulat2 pisang yang memusnahkan pohon2 pisang di-Bukit Sulang.



Kenyataan kapada Pelaut2

PELAUT2 ada-lah di-beritahu bahawa dalam masa bulan April sampai bulan Oktober, 1967, saloran2 akan di-sambong daripada Lutong ka-Seria dan di-letakkan dari pantai ka-hujung "drilling platform".

Buka saloran itu ia-lah dua belas inchi. Tiap2 satu sambongan ada-lah sa-panjang saloran itu yang mana dari 8,000 kapada 12,000 kaki panjang-nya.

Saloran2 itu akan masuk ka-dalam perayeran di-Lutong dalam kedudukan garisan lintang $4^{\circ} 29' 03''$ utara, garisan bujur $113^{\circ} 59' 42''$ timur. Saloran itu akan di-letakkan di atas pantai itu dalam kedudukan $4^{\circ} 38'$ utara, garisan bujur $114^{\circ} 22'$ timur Ampa Drilling Platform Bil. 2 dalam kedudukan garisan lintang $4^{\circ} 42' 23''$ utara, garisan bujur $114^{\circ} 09' 07''$ timur.

Satu kapal pantai penunda dengan di-sertai oleh satu penambatan penunda akan menyambong saloran itu dari Lutong ka-Seria dan L.C.T.2 akan di-gunakan dalam pekerjaan2 meletakkan saloran2 itu.

Pelaut2 ada-lah di-minta untuk memberikan pekerja2 menyambong dan meletakkan saloran2 itu kawasan yang luas jarak-nya dan mesti-lah belayar dengan perlahan melalui-nya.





Juruteru Lampu Awam, Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy (kanan) kelihatan dalam gambar ini sedang memberi penerangan kepada Ahli2 Jawatan Kuasa Kenderaan, Lembaga Bandaran, Brunei bagaimana cara "Traffic Controller" ia-itu alat yang menyinarakan lampu2 lalu lintas bergerak.

Projek Melengkapi Jalan2 Raya Lampu2 Lalu Lintas Di-La

KERAJAAN BRUNEI telah melaksanakan satu projek untuk melengkapkan beberapa buah jalan raya di-Ibu Kota negeri ini dengan lampu2 lalu lintas, jenis yang moden.

Projek itu memakan belanja sa-banyak sa-ratus ribu ringgit ia-lah antaranya untuk memberi kesenangan kepada pemandu2 untuk menyeberangi jalan2 raya ketika memandu kereta dan juga untuk mengelakkan daripada berlaku-nya kemalangan di-jalan raya.

Semua perkakas dan da-wai2 elektrik itu telah di-pesan dari United Kingdom dan telah di-pasang oleh Jabatan Elektrik Negeri Brunei mulai pertengahan bulan Mach, 1967.

Tempat2 yang di-lengka-pi dengan lampu2 lalu lintas itu ia-lah di-simpang2 Jalan Sultan dan Jalan Chevalier; Jalan Sultan dan Jalan Elizabeth II, ia-itu berhampiran Bangunan Pejabat2 Kerajaan dan Pejabat Pos Besar; Jalan Tutong dan Jalan Kumbang Pasang dan Jalan Sekolah.



Sa-orang anggota dari Jabatan Elektrik Negeri Brunei sedang memasang "Aspect" di-dalam "Traffic Hood" di-sabuh tiang lampu lalu lintas di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier.



Satu pemandangan tiang dan lampu2 lalu lintas Negeri Brunei di-simpang sa-bu

ya Di-Ibu Kota Negara Dengan Laksanakan

Pada petang hari Sabtu yang lalu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar dan beberapa orang Ahli2 Jawatan Kuasa Kenderaan Lembaga Bandaran Brunei telah melawat ka-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier yang telah di-lengkapi dengan lampu2 lalu lintas.

Sa-masa lawatan itu, Jawatan Kuasa tersebut telah di-beri berbagai2 penerangan mengenai perkara2 yang bersangkut paut dengan pemasangan perkakas2 dan dawai2 elektrik; chara memulakan sinaran lampu2 lalu lintas dan sa-bagai-nya oleh Jurutera

Lampu Awam, Negeri Brunei, Awang S. Palaniandy.

Sementara itu, Pengawal Kenderaan Darat, Negeri Brunei, Awg. Abdul Ghani bin Jamil bagi pehak Jawatan Kuasa Kenderaan, Lembaga Bandaran Brunei mengumomkan dalam satu Persidangan Akhbar di-Pejabat beliau pada petang hari Isnin yang lalu bahawa lampu2 lalu lintas di-Simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier akan mulai di-sinarkan pada penghujung minggu hadapan.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar akan merasmikan upacara menyinarkan lampu2 lalu lintas itu.

Lampu2 lalu lintas di-lain2 simpang akan di-sinarkan kemudian hari kelak.



Gambar ini di-ambil pada masa Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar dan Ahli2 Jawatan Kuasa Kenderaan, Lembaga Bandaran, Brunei melawat ka-simpang Jalan2 Sultan dan Chevalier pada petang 8 April, 1967. Dari kanan ka-kiri: Pengawal Kenderaan Darat Negeri Brunei Awang Abdul Ghani bin Jamil; O.C.P.D. Brunei, Awang P. E. Pike; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar; Awang Anthony Chin, sa-orang Jurutera dari Jabatan Kerja Raya dan Awang Palaniandy.



... yang telah siap di-pasang oleh Jabatan Elektrik
... buah jalan raya di-Bandar Brunei.



Anggota2 dari Jabatan Elektrik Negeri Brunei kelihatan pada masa mereka sedang memasang sa-buah lampu lalu lintas di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier.

Sokan Sekolah² Melayu Negeri Brunei

oleh MD. HUSAIN ZAINAL
Jabatan Pelajaran Brunei

PERLAWANAN Sokan antara Sekolah² Rendah Melayu Negeri Brunei, ada-lah satu daripada projek perlawanan tahunan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei di-bahagian Pendidikan Jasmani.

Perlawanan² yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut:—

(1) Pada 6 April, 1967: Perlawanan antara Sekolah² Rendah Melayu Bahagian Brunei I, bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei. Sa-banyak 6 buah Sekolah yang menyertai perlawanan. Ramai peserta 80 orang kumpulan laki² dan 43 orang kumpulan perempuan.

Perlawanan Sokan hari itu telah di-rasmikan oleh Penolong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh dan beliau juga menerima Tabek Kehormatan dari Pasokan² yang mengambil bahagian.

Sekolah² yang menyertai perlawanan: (1) Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. (2) Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. (3) Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim. (4) Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun. (5) Pasokan Sekolah Melayu Sultan Lama. (6) Pasokan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(a) *Kumpulan Laki² "A"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 43 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai mendapat 31 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim.

(b) *Kumpulan Laki² "B"* — *Pertama*: Dua pasokan mendapat sama mata ia-itu 34 mata: Pasokan² itu ialah Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. dan pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Sungai Kebun mendapat 14 mata.

(c) *Kumpulan Laki² "C"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 32 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Lela Menchanai mendapat 22 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun mendapat 9 mata.

(d) *Kumpulan Laki² "D"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 15 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu P. Malim mendapat 11 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu S. Lama mendapat 9 mata.

(e) *Kumpulan Perempuan "A"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 26 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu R.I.F. mendapat 20 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun mendapat 14 mata.

(f) *Kumpulan Perempuan "B"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu R.I.F. mendapat 15 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 10 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun mendapat 7 mata.

(g) *Champion Mata Kemenangan Kumpulan Laki² dan Perempuan* — *Pertama*:

Pasokan Sekolah Melayu S.M.J.A. mendapat 165 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Sg. Kebun mendapat 47 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Pintu Malim mendapat 31 mata.

Hadiah² rebutan telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Md. Hashim bin Haji Md. Tahir, Ketua Nadzir Sekolah² Melayu Negeri Brunei, kepada pasokan² yang berjaya.

Pemenang² yang mendapat Pangkat Pertama tiap² jenis perlumbaan dari tiap² kumpulan murid akan menjadi wakil Sekolah² Rendah Melayu Bahagian Brunei I masuk ka-Perlawanan Peringkat Negeri.

(2) Pada 9 April, 1967: Perlawanan antara Sekolah² Rendah Melayu Bahagian Brunei II, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sengkuring. Sa-banyak 18 buah Sekolah yang menyertai perlawanan. Ramai 216 peserta laki² dan 132 orang peserta perempuan.

Perlawanan Sokan hari itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara Yang Mulia Awang Ali bin Awang Besar. Beliau juga menerima Tabek Kehormatan dari pasokan² yang mengambil bahagian.

Sekolah² yang mengambil bahagian:

(1) Sekolah Melayu Sengkuring. (2) Sekolah Melayu SUAS, Muara. (3) Sekolah Melayu Serasa. (4) Sekolah Melayu Mentiri. (5) Sekolah Melayu Tanah Jambu. (6) Sekolah Melayu Sungai Hanching.

(7) Sekolah Melayu Delima Satu. (8) Sekolah Melayu Anggerek Desa. (9) Sekolah Melayu Lambak. (10) Sekolah Melayu Dato Marsal. (11) Sekolah Melayu Gadong. (12) Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut.

(13) Sekolah Melayu Bengkurong. (14) Sekolah Melayu Kilanas. (15) Sekolah Melayu Jerudong. (16) Sekolah Melayu Kati Mahar. (17) Sekolah Melayu Subok. (18) Sekolah Melayu Kiulap.

KEPUTUSAN PERLAWANAN


(a) *Kumpulan Laki² "A"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu SUAS, Muara mendapat 44 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut mendapat 35 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring mendapat 32 mata.

(b) *Kumpulan Laki² "B"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 44 mata. *Kedua*: Sekolah Melayu Delima Satu mendapat 29 mata. *Ketiga*: Dua buah Sekolah mendapat mata sama ia-itu 17 mata. Sekolah² itu ialah Sekolah Melayu Sengkuring dan Sekolah Melayu Anggerek Desa.

(c) *Kumpulan Laki² "C"* — *Pertama*: Pasokan Sekolah Melayu Dato Marsal mendapat 26 mata. *Kedua*: Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut mendapat 19 mata. *Ketiga*: Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 18 mata.

(d) *Kumpulan Laki² "D"* —

Lihat Muka 7.



Gambar² ini di-ambil di-upacara Penyampaian Hadiah temasha Sokan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Padang Besar Bandar Brunei pada hari Ahad 2, April 1967.

Dalam gambar kanan kelihatan Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking sedang menyampaikan hadiah kepada sa-orang peserta yang berjaya, manakala dalam gambar kiri pula kelihatan Pengarah Pelajaran Brunei Dato Malcolm MacInnes sedang mengalungkan pingat kepada sa-orang peserta yang berjaya dalam temasha sokan tersebut.

Berkhidmat-lah dengan

A.M.D.B.

Maseh ada kekosongan lagi untuk memasoki Askar Melayu Di-Raja Brunei bagi lebeh kurang 70 orang rekrut2 baru dalam awal bulan Julai 1967.

Sukarelawan2 hendak-lah belom berkahwin dan mesti-lah berumur antara 18 dan 25 tahun dan tidak kurang dari 5 kaki tinggi. Sukarelawan2 mesti-lah juga orang2 Melayu Brunei dan Warga Negara Brunei.

Kebolehan yang baik dalam pelajaran ada-lah baik serta berguna tapi tidak bagitu perlu. Walau macham mana pun, supaya terpilih sukarelawan mesti-lah lulus dalam pepereksaan akal.

Rombongan Pengambilan Orang2 Baru Askar Melayu Di-Raja Brunei akan menjalankan temu duga dan pepereksaan badan di-antara pertengahan bulan April dan awal bulan Mei bagi memilih chalun2 yang berjaya.

Temu duga bagi sukarelawan2 akan di-adakan saperti berikut:—

1. Di-Perkhemahan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Bangar (Bagi sukarelawan dari Daerah Temburong). Isnin 24 April di-antara

- pukul 8-30 pagi dan 12-30 tengah hari.
2. Di-Bilek Bachaan Kuala Belait. Khamis 27 April di-sebelah pagi di-antara pukul 8-15 pagi dan 12-15 tengah hari dan di-antara pukul 2-15 dan 4-00 petang.
3. Di-Council Chambers, Tutong. Khamis 20 April di-antara

- pukul 11-00 pagi dan 3-00 petang.
 4. Di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei. Ithnin 17 April dan Khamis 4 Mei di-antara pukul 8-15 pagi dan 12-15 tengah hari dan di-antara pukul 2-15 dan 4-00 petang.
- Barang siapa yang menghendaki penerangan selanjut-nya ada-lah di-minta menulis kepada Pegawai Pemerintah Kompani Latehan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Perkhemahan Berakas, Brunei.

Pertukaran Nadzir2 Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pertukaran Nadzir2 Sekolah2 Melayu di-Negeri Brunei mulai dari 15 April, 1967 ada-lah saperti berikut:

Awang Mohsin bin Pengiran Damit, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Belait bertukar menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III.

Awang Taha bin Abdul Rahman, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III bertukar menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Belait.

Sokan Sekolah2 Melayu Negeri Brunei

Dari muka 6.

- Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 17 mata. *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Marsal mendapat 16 mata. *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Kati Mahar mendapat 8 mata.
- (c) *Kumpulan Perempuan "A"* — *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring mendapat 32 mata. *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 24 mata. *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Delima Satu mendapat 10 mata.
- (f) *Kumpulan Perempuan "B"* — *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Kilanas mendapat 9 mata. *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 8 mata. *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Anggerek Desa mendapat 6 mata.

- (g) *Champan Mata Kembangan Kumpulan Laki2 dan Perempuan* — *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu SUAS Muara mendapat 115 mata. *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring mendapat 106 mata. *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut mendapat 64 mata.

Hadiah2 rebutan telah disampaikan oleh Yang Mulia Awang Suni bin Haji Idris, Nadzir Negara Sekolah2 Negeri Brunei, kepada pasokan2 yang berjaya.

Pemenang2 yang mendapat Pangkat Pertama tiap2 jenis perlawanan dari tiap2 kumpulan akan menjadi wakil Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, masuk ka-perlawanan Peringkat Negeri.

Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan Daerah

Brunei/Muara dan Tutong yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada minggu lalu ada-lah saperti berikut:—

(i) Pada 3 April, 1967: Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Jabatan Pelajaran dengan Pasokan Setor. Keputusan-nya Pasokan Jabatan Pelajaran menang dengan 17 gol tidak berbalas.

(ii) Pada 4 April, 1967: Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan JKR dengan Pasokan Gabungan Daerah Tutong. Keputusan-nya Pasokan Gabungan Daerah Tutong menang dengan 6 gol tidak berbalas.

Ini-lah satu pemandangan Bangunan Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Brunei. Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Bangunan Madrasah itu pada pagi 27 Mach, 1967

**Gunakan-lah
Bahasa
Melayu**



Dato Coates di-lantek menjadi Pengerusi M.P.M. Daerah Belait

SERIA. — Dato P. A. Coates telah di-lantek sa-mula menjadi Pengerusi Majlis Perkhidmatan Masharakat, Daerah Belait dalam Mashuarat Agong-nya pada 31 Mach, 1967.

Dato Coates juga telah di-lantek sa-mula sa-bagai Pengerusi Lembaga Rumah Orang2 Tua, Seria.

Pegawai2 baru Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Pengerusi: Dato P. A. Coates. **Naib Pengerusi:** Malai Mashor bin Malai Hj. Abd. Hamid. **Setia Usaha:** Awang V. Abdul Salam. **Bendahari Kehormat:** Awang Bohari bin Ali.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Pegawai Daerah Belait atau Wakil Beliau (atas nama jawatan). Dayang W. A. Williams, Awg. Cheah Tat Kheam, Doktor T. Panch dan Awg. Tan Liang How.

Pemeriksa Kira2 Kehormat: Awg. Cheong Soon dan Awg. Chua Kwong Hock.

Pegawai2 baru Lembaga Gabnor2 Rumah Orang2 Tua Seria yang telah di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Pengerusi: Dato P. A. Coates. **Setia Usaha dan Penjaga:** Awg. V. Abdul Salam. **Bendahari Kehormat:** Awang Bohari bin Ali. **Ahli2 Jawatan Kuasa:** Awg. Mohd. Salleh bin Hidup dan Doktor T. Panch (Kedua2-nya atas nama jawatan). Awg. Liew Loke, Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid dan Awang Tan Liang How.

Pengerusi Jawatan Kuasa Kechil: Bantuan Awam — Dy. W. A. Williams; Pergerakan Belia — Rev. R. K. S. Adams; Sokan — Awg. Abdul Aziz Malim; Biasiswa — Awg. G. F. Daniels; Urusan orang2 yang di-bebasikan dari tahanan — Malai Mashor; Urusan Menambahkan Derma — Awang Chia Fook Shin.

Balek dari Tanah Suchi

BERAKAS. — Beberapa orang jema'ah Haji dari Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi dengan kapal terbang untuk menunaikan fardhu Haji pada tahun ini, telah selamat balek ka-Tanah Ayer dengan kapal terbang pada petang hari Ithnin 10 April, 1967.

Di-antara jema'ah2 Haji tersebut, ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis Al-Haj ibni Al-Marhom Sultan Hashim, ia-itu ayahanda saudara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong

BANGAR. — Majlis Mashuarat Daerah Temburong dalam persidangan-nya pada 4 April, 1967 telah meluluskan tiga usol yang meminta Kerajaan mengadakan ampangan ayer, perkhidmatan Talipon dan mengadakan moto-sangkut untuk perkhidmatan Polis.

Yang Mulia Awang Metussin bin Aliakbar, wakil Kawasan Labu Estate telah mengemukakan dua usol. Usol beliau yang pertama ia-lah untuk menasehatkan Pegawai Daerah untuk mengemukakan kepada Kerajaan bagi mengadakan moto sangkut dan perahu di-tiap2 kawasan yang di-tempatkan Pondok2 Polis seperti di-Bokok, Batu Apoi dan Labu.

Kenderaan2 Laut itu, katanya, akan di-gunakan oleh kakitangan2 Polis yang bertugas di-pondok2 tersebut, terutama ketika pertolongan2 che-mas di-kehendaki oleh orang2 kampung.

Beliau juga mengusulkan supaya kerajaan akan dapat mengadakan ampangan ayer di-Kampung Piasau2 dan Labu agar penduduk2 di-situ mempunyai ayer yang bersehdengan tidak payah menggunakan perigi2 atau lopak2 yang tidak di-kawal oleh pihak jabatan Perubatan dan Kasihatan.

Sambutan Hari Raya Haji Anjoran Persatuan "INSAP"

KAMPONG SETIA PAHLAWAN. — Satu sambutan Hari Raya Haji telah di-adakan di-Kampung Setia Pahlawan, Kampong Ayer, Brunei di-bawah anjoran Persatuan Ikatan Setia Pahlawan (INSAP) Brunei pada hari Juma'at 7 April, 1967.

Berbagai2 achara telah di-adakan di-majlis sambutan tersebut. Antara-nya ia-lah Persembahan Berzanzi; Persembahan Bacha'an Al-Qur'an; Peraduan2 Bacha'an Al-Qur'an terbuka kepada Ahli2 Persatuan INSAP, Kanak2 Kampong Setia Pahlawan. Orang2 Dewasa Kampong Setia Pahlawan; serta Peraduan Bacha'an Al-Qur'an terbuka kepada Persatuan2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Ramai Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, pendudok2 kampong tersebut dan para jemputan khas telah hadir di-majlis tersebut.

Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar bin Baha, wakil dari kawasan Puni telah mengusulkan bagi mengadakan perkhidmatan Talipon di-Kastam Kuala Labu untuk membuat perhubungan2 dengan Daerah Temburong dan Bandar Brunei.

Ini, tegas beliau, ada-lah bagi memudahkan mengatasi kesulitan2 perhubungan baik yang di-hadapi oleh Pegawai2 Kastam atau orang ramai, terutama kepada pemandu2 moto-sangkut Kerajaan yang menghadapi kerosakan injin di-per-tengahan jalan antara Bandar Brunei dan Temburong.

Yang Mulia Awang Haji Abu Bakar juga telah mengemukakan 4 so'alan2 bertulis dan Yang Mulia Awang Metussin mengemukakan satu so'alan.

Persidangan itu telah di-pengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak.

Perbarisan

Pancharagam Goorkha

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Tentera, Pasokan Kedua King Edward VII Own Gurkha Rifles (Sirmoor Rifles) akan mempersembahkan perbarisan sambil bermain musik ("Beating Retreat") di-Padang Besar Bandar Brunei pada jam 6-00 petang, hari Juma'at 14 April, 1967.

Perbarisan dan permainan musik tersebut akan di-adakan di-bawah pimpinan Pengarah Musik Pancharagam Tentera Gurkha Rifles itu, Kapitan E. J. H. Smith.

Orang ramai ada-lah di-persilakan ka-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Juma'at hadapan untuk menyaksikan upacara tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 April, 1967 hingga ka-hari Selasa 18 April, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
12 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-55	4-59	6-14
13 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-55	4-59	6-14
14 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-55	4-59	6-14
15 April		12-27	3-42	6-32	7-44	4-55	4-59	6-14
16 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-54	4-58	6-12
17 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-54	4-58	6-12
18 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-54	4-58	6-12

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Otak yang Sehat Terletak dalam Badan yang Sehat

PENOLONG Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah memberikan nasehat yang berfaedah kepada murid2 sekolah sa-belum beliau merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei Satu di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Khamis yang lalu.

Dalam ucapan tersebut, antara-nya Yang Berhormat Pgn. Damit berkata kepada murid2 tersebut bahawa mereka, sa-bagai Ahli2 Sokan Harapan yang sedang berator di-hadapan beliau di-Lapangan Hijau pada pagi hari tersebut, ada-lah merupakan bakal Ahli2 Sokan Brunei di-masa akan datang yang akan mengisikan Gelanggang Sokan Brunei yang sedang dibena oleh Kerajaan di-Kampung Anggerek Desa.

Beliau telah menyeru kepada murid2 itu supaya mereka tunjukkan-lah dan layakkan-lah diri mereka sa-bagai Ahli2 Sokan yang handal dan boleh di-ketengahkan di-Gelanggang tersebut.

Sa-lain dari itu, antara-nya, Yang Berhormat Pgn. Damit telah menasehatkan kepada murid2 tersebut supaya mereka mempunyai tuboh badan yang sehat dan berotak cherdas sa-bagaimana Falsafah Sokan yang dalam bahasa Latin-nya "En Sano En Kope Sano" yang bermana bahawa "Otak Yang Sehat Terletak Dalam Badan Yang Sehat".

Sa-moga ucapan yang di-lafadzkan oleh Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pgn. Damit b. Pgn. Sunggoh di-upachara Pembukaan Rasmi temasha Sokan Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Brunei Satu baru2 ini akan di-hargai oleh murid2 sekolah di-seluruh Negara Brunei Darus Salam.